

# ورتا قنرغن

## Warta Penerangan



Mac 2017





*Dengan Ingatan Tulus Ikhlas*  
*Daripada*  
Jabatan Penerangan,  
Jabatan Perdana Menteri.



**Terbitan Unit Penerbitan Melayu**  
**Jabatan Penerangan**  
**Jabatan Perdana Menteri**

***“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”***

# Sidang Redaksi

Penasihat  
Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras & Penyemak  
Unit Penerbitan Melayu

Sumber Berita & Fotografi  
PELITA BRUNEI dan  
Pegawai dan Kakitangan  
Jabatan Penerangan



**W**ARTA Penerangan merupakan sebuah majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Unit Penerbitan Melayu, Tingkat 2, Bangunan Lama Jabatan Penerangan.

# Isi Kandungan

# Muka

Majlis Doa Kesyukuran Penubuhan Ke-65 tahun Jabatan Penerangan	5 - 6
Program Sua Muka	7 - 10
Hadiri Mesyuarat SOMRI ke-15	11
Peristiwa Penting Jabatan Penerangan	11
Doa Selamat bagi pegawai yang akan cuti bersara	12
Jerayawara Kenali ASEAN	13
Taklimat Kenegaraan "Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara"	14 - 18
Program Rakan Remaja Penerangan "Semai Semangat Patriotisme Penuntut"	19 - 21
Pedoman	21
Taklimat Perancangan Kewangan Islam melalui Takaful	22
Senarai pegawai dan kakitangan yang mengikuti bengkel/taklimat pada bulan Mac 2017	22 - 23

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

## Majlis Doa Kesyukuran Penubuhan Ke-65 Tahun Jabatan Penerangan



*PEMANGKU Menteri Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar semasa menunaikan Sembahyang Fardhu Maghrib, Isyak dan Sunat Hajat Berjemaah sempena memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-65*

Oleh : Marlinawaty Hussin / Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 28 Mac. - Sempena sambutan memperingati penubuhannya yang ke-65 tahun, Jabatan Penerangan telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran, Membaca Surah Yaa Siin dan Bertahlil yang berlangsung di Masjid Ash-Shaliheen, Kompleks Bangunan JPM, di sini.

Hadir selaku Tetamu Kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Menteri Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) di JPM, Awang Mohd. Riza bin Dato Paduka Haji Mohd Yunos; Pemangku Pengarah Penerangan, Pegawai-pegawai Kanan JPM serta Pegawai-pegawai dan Kakitangan Jabatan Penerangan.

Acara dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Imam Masjid, Awang Haji Aslenen bin Haji Metussin.

Majlis diteruskan dengan Sembahyang Sunat Hajat, bacaan Surah Yaa Siin, Bertahlil dan Doa Kesyukuran, disusuli dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.



**PEMANGKU Menteri Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar semasa membaca Surah Yaa Siin dan bertahlil sempena memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-65 Tahun, 2017.**



**SEBAHAGIAN daripada Pegawai dan Kakitangan Lelaki Jabatan Penerangan semasa menunaikan Sembahyang Fardhu Maghrib, Isyak dan Sunat Hajat Berjemaah sempena memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-65 Tahun, 2017.**



**PEMANGKU Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah Binti Haji Aliomar bersama sebahagian daripada Pegawai dan Kakitangan Wanita Jabatan Penerangan semasa membaca Surah Yaa Siin dan bertahlil sempena memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-65 Tahun, 2017.**

Antara peranan utama jabatan ini adalah sebagai lidah dan telinga kerajaan dalam menyampaikan maklumat dan berita mengenai dasar, aktiviti dan program kerajaan serta mendengar isu-isu terkini, di samping memahami agenda media massa.

Selain itu, jabatan ini juga mengendalikan pengurusan dan hal ehwal hubungan dengan media serta mengendali aktiviti publisiti dan promosi bagi acara-acara kebesaran.

Jabatan Penerangan turut menerbitkan akhbar rasmi kerajaan Pelita Brunei setiap hari Isnin, Rabu dan Sabtu, yang mana akhbar itu boleh dilayari melalui laman sesawang [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn), manakala e-Paper Pelita Brunei boleh dimuat turun melalui telefon pintar atau tablet di laman sesawang [www.epaper.pelitabrunei.gov.bn](http://www.epaper.pelitabrunei.gov.bn).

Untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai aktiviti dan program jabatan ini, orang ramai boleh mengikuti laman media sosialnya di Facebook : Jabatan Penerangan, Instagram : @infodept.bn dan Twitter : @infodept\_bn.

## Program Sua Muka: Semai hubungan erat kerajaan dan rakyat

### Kampung Senukoh



**PEMANGKU** Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad bersama ketua kampung serta pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan, Radio Televisyen Brunei dan Majlis Perundingan Kampung dalam sesi bergambar ramai.

Berita dan Foto : Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain

**TEMBURONG, Sabtu, 18 Mac.** - Sebagai salah satu aktiviti berterusan yang diungkayahkan oleh Jabatan Penerangan dalam usaha untuk terus mendekati masyarakat kampung di negara ini, Program Sua Muka atau dikenali dengan 'Personal Contact' diteruskan lagi ke Daerah Temburong, iaitu ke kediaman Ketua Kampung Senukoh, Awang Yusof bin Haji Maidin.

Rombongan Jabatan Penerangan diketuai oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad. Juga hadir pegawai dan kakitangan dari beberapa bahagian dan unit Jabatan Penerangan serta Ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung (MPK) Senukoh.

Program yang diusahakan oleh Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan ini merupakan salah satu strategi kerja Jabatan Penerangan, iaitu komunikasi bersemuka, yang dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan dan rakyat.

Ia juga dilaksanakan untuk mendapatkan isu-isu dan pendapat serta cadangan yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh pihak-pihak yang berkenaan dalam kerajaan.

Selain itu ia juga untuk mendapatkan maklum balas daripada masyarakat kampung khususnya melalui Majlis



**PEMANGKU** Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa berucap pada Program Sua Muka tersebut.



**PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa menyampaikan cenderahati kepada Ketua Kampung Senukoh, Awang Yusof bin Haji Maidin semasa Program Sua Muka tersebut.**

Perundingan Mukim (MPM) dan Kampung di negara ini dalam membarigakan dan mempromosikan perkembangan dan kemajuan mukim dan kampung, terutama tempat-tempat menarik dan produk-produk keluaran MPM/ Majlis Perundingan Kampung (MPK) untuk diperkenalkan kepada orang ramai sama ada di dalam mahupun luar negara melalui penulisan rencana Kenali Negara Kitani (KNK) untuk disiarkan di Pelita Brunei, selaras dengan peranan Jabatan Penerangan sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan.

Turut disampaikan ialah memperkenalkan dan membarigakan versi digital Pelita Brunei, iaitu e-Paper Pelita Brunei dan Pelita Brunei Online termasuk tatacara untuk memuat turun e-Paper Pelita Brunei serta mengenai penggunaan bendera, 'banner' dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional serta bahan-bahan bacaan mengenai Wawasan Brunei 2035 dan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah 2013.



**PEGAWAI dari Jabatan Penerangan semasa memberi penerangan mengenai tatacara memasukkan ikon pintas e-Paper Pelita Brunei.**

Ketua Kampung Senukoh berserta Ahli-ahli MPK semasa perjumpaan ini turut mengetengahkan beberapa isu dan cadangan untuk diambil perhatian.

Program ini merupakan wadah untuk menyampaikan dasar dan maksud kerajaan demi memelihara perpaduan dalam kehidupan bermasyarakat ke arah cintakan agama, bangsa, raja dan negara, yang dihasratkan dapat memupuk semangat kekitaan dan tanggungjawab terhadap negara serta menyemai hubungan yang erat antara kerajaan dengan rakyat.

Turut diperkenalkan kepada penduduk kampung di sana ialah alamat-alamat laman media sosial milik Jabatan Penerangan seperti Facebook Jabatan Penerangan, iaitu Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri, akaun Twitter : @infodept\_bn dan akaun Instagram : @infodept.bn.



## **Kampung Sungai Teraban**



**SESI bergambar ramai rombongan dari Jabatan Penerangan bersama Ketua Kampung Sungai Teraban semasa Program Sua Muka.**

Oleh : Noraisah Muhammed/Foto : Unit Perhubungan Awam, Jabatan Penerangan

**KUALA BELAIT, Sabtu, 18 Mac.** - Dalam usaha untuk terus mendekati penduduk kampung di negara ini, Program Sua Muka (Personal Contact) diteruskan lagi di kediaman Ketua Kampung Sungai Teraban, Awang Mohd. Mersidi bin Haji Mohd. Shara.

Rombongan program tersebut diketuai oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar yang juga dihadiri oleh beberapa pegawai dan kakitangan dari Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.

Program tersebut merupakan salah satu aktiviti berterusan yang diungkayahkan oleh Jabatan Penerangan melalui Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan selain sebagai platform untuk menyampaikan dasar dan maksud kerajaan demi memelihara perpaduan dalam kehidupan bermasyarakat, ke arah cintakan agama, bangsa, raja dan negara.



Program yang menjurus kepada mendekati orang ramai secara bersua muka ini adalah masih relevan di zaman ini kerana ia lebih bersifat 'personal' dan interaksi, lebih berkesan serta dapat memberikan jalinan muhibah yang baik.

Dengan adanya program seumpama ini secara langsung akan dapat memupuk semangat kekitaan dan bertanggungjawab terhadap negara serta menyemai hubungan yang erat di antara pihak kerajaan dengan rakyat

**PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar mengetuai rombongan Program Sua Muka di kediaman Ketua Kampung Sungai Teraban.**

## **Kampung Labu Estate**



**PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa sesi bergambar ramai pada Program Bersua Muka di kediaman Ketua Kampung Labu Estate, Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir.**

Berita dan Foto: Haji Ariffin bin Mohamad Noor

**T**EMBURONG, Sabtu, 25 Mac - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) melalui Unit Hubungan Masyarakat dengan Cawangan Penerangan Daerah Temburong meneruskan Program Sua Muka bagi mendekati dan berigakan maklumat kepada rakyat dan penduduk di negara ini melalui institusi penghulu dan ketua kampung.

Pada program kali ini rombongan Jabatan Penerangan telah sempat berkunjung ke kediaman Ketua Kampung Labu Estate, Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir. Kampung Labu Estate merupakan sebuah kampung yang terletak di Mukim Labu iaitu sekitar 16 kilometer dari Pekan Bangar dan didiami oleh seramai 196 orang.

Rombongan Jabatan Penerangan telah diketuai Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad berserta lima orang Pegawai dan Kakitangan Jabatan Penerangan.

Turut hadir pada perjumpaan ini ialah Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung dan majlis dimulakan dengan bacaan surah Al-Fatihah dipimpin oleh Awang Haji Md Jini bin Haji Juna.

Pada program tersebut para pegawai dan kakitangan dari Jabatan Penerangan berpeluang mendengarkan permasalahan dan cadangan-cadangan daripada masyarakat dan penduduk di kawasan berkenaan yang seterusnya akan menyalurkan kepada agensi-agensi dalam kerajaan yang berkaitan bagi penilaian dan tindakan selanjutnya.



**PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa berkongsi maklumat pada Program Bersua Muka tersebut.**

## Hadiri Mesyuarat SOMRI ke-15

MEETING OF THE ASEAN SENIOR OFFICIALS RESPONSIBLE FOR INFORMATION (SOMRI)



**PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad ketika menghadiri Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan Yang Bertanggungjawab Mengenai Penerangan ke-15 (SOMRI).**

Oleh: Unit Penerbitan Melayu

**FILIPINA.-** Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan ASEAN Yang Bertanggungjawab Mengenai Penerangan (SOMRI) kali ke-15 telah diadakan selama dua hari bermula 22 hingga 23 Mac lalu di SMX Convention Center, Bandaraya Bacolod, Filipina.

Mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam ke mesyuarat tersebut ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad dan disertai oleh dua orang pegawai dari Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Radio Televisyen Brunei.

### Peristiwa Penting Jabatan Penerangan

Pada hari ini 1 Mac 1992 Jabatan Penerangan mencatat satu lagi sejarah apabila melancarkan Kelompok Penerangan bagi Kemajuan Masyarakat (KPKM) yang di adakan di Kampung Benutan, Daerah Tutong.

Kelihatan gambar sebelah kanan menunjukkan seorang penduduk kampung berkenaan ketika mengemukakan pandangannya di majlis pelancaran tersebut.



## Doa selamat bagi pegawai yang akan cuti bersara



**PEMANGKU** Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar ketika bergambar ramai bersama Pegawai-pegawai Jabatan Penerangan yang akan cuti bersara.

Oleh: Unit Penerbitan Melayu

**B**ERAKAS, Khamis, 30 Mac.- Bagi menghargai jasa dan khidmat bakti yang telah disumbangkan, Unit IT dan Media Baharu telah mengadakan Majlis Doa Selamat bagi dua orang pegawai yang akan cuti bersara.

Hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Dua pegawai tersebut ialah Penolong Pegawai Penerangan, Pengiran Haji Zahari bin Pengiran Adi dan Pegawai Luar Penerangan, Awang Haji Rahime @Haji Maznibi bin Awang Haji Anuar. Mereka berdua telah menyumbang bakti kepada kerajaan dan Jabatan Penerangan lebih 30 tahun dan pernah ditempatkan di beberapa unit dan cawangan di Jabatan Penerangan.

Doa selamat bagi majlis tersebut telah dibacakan oleh Pengiran Haji Zahari bin Pengiran Adi .

Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderahati yang disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah.



**PEMANGKU** Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar ketika menyampaikan cenderahati kepada Pengiran Haji Zahari (atas) dan Awang Haji Rahime (bawah).

# Jerayawara Kenali ASEAN

## Golongan belia pemangkin hala tuju negara

Oleh: Rohani Haji Abd Hamid  
Foto: Dk.Nurhafilah Pg.Osman

**K**ATOK, Khamis, 2 Mac. - Jabatan Penerangan melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI meneruskan Jerayawara Kenali ASEAN ke Sekolah Menengah Katok.

Jerayawara tersebut bertujuan untuk memberikan pendedahan dan menyalurkan maklumat dengan lebih meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada penuntut-penuntut sekolah di negara ini.

Selain itu ia juga dihasratkan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan penuntut-penuntut sekolah menengah mengenai ASEAN disamping mengenal pasti sejauh mana pengetahuan mereka terhadap ASEAN dengan menanamkan kesedaran dan rasa memiliki dalam kalangan mereka sebagai satu masyarakat, selaras dengan moto ASEAN iaitu Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti.

Hadir selaku Tetamu Kehormat pada majlis tersebut ialah Pengetua Sekolah Menengah berkenaan, Dayang Penrose Saleha binti Haji Mohammad Salleh.

Taklimat Mengenali ASEAN disampaikan oleh Pegawai dari Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan Awang Awang Isa bin Haji Abdul Rahman dan dihadiri oleh lebih 300 penuntut.

Juga diketengahkan pada program tersebut ialah maklumat mengenai *Wawasan 2035* selaras dengan statistik perbandingan Negara Brunei Darussalam di arena serantau yang mana pengetahuan ini wajar diketahui oleh para penuntut bagi meningkatkan kesedaran tentang perkembangan negara agar menjadi pencetus semangat bagi mereka untuk memajukan tanah air dengan lebih gigih supaya *Wawasan 2035* dapat direalisasikan.

Turut diadakan ialah Kuiz Kenali ASEAN dan penyampaian hadiah kepada 10 penuntut yang berjaya menjawab kuiz tersebut.



*SEBAHAGIAN daripada penuntut-penuntut berdiri tegak semasa menyanyikan lagu kebangsaan di jerayawara tersebut. (atas, bawah)*



*PEGAWAI dari Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan semasa mengajukan soalan dalam ruangan Kuiz Kenali ASEAN.*

# Taklimat Kenegaraan

## Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara

### Semai semangat patriotisme penuntut

Oleh : Marlinawaty Hussin/Foto : Ihsan Unit Kenegaraan

#### Sekolah Menengah St. George



**ANTARA** pelajar Tahun 7 Sekolah Menengah St. George yang menghadiri Taklimat Kenegaraan.



**PEGAWAI** Penerangan, Dayang Hajah Zabaidah binti Haji Salat semasa menyampaikan Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera'.

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mac.- Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan meneruskan siri Program Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera' ke beberapa buah sekolah pada bulan ini sebagai langkah menyemai semangat patriotisme para penuntut untuk menghormati serta menjiwai lagu kebangsaan dan bendera negara.

Taklimat pertama diadakan di Sekolah Menengah St. George di Ibu negara, di sini dengan dihadiri oleh Pengetua sekolah, Awang Janidi Jingan berserta guru-guru dan penuntut Tahun 7 seramai 88 orang.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Zabaidah binti Haji Salat.

Antara perkara yang disentuh ialah tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan'.

Para penuntut juga berpeluang menyaksikan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara'

#### Sekolah Rendah Junjungan

Oleh: Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan

**J**UNJUNGAN, Sabtu, 4 Mac.- Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan hari ini di undang untuk memberikan Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera' di Sekolah Rendah Junjungan sebagai salah satu usaha menyemai semangat patriotisme di kalangan penuntut untuk menghormati serta menjiwai lagu kebangsaan dan bendera negara.

Taklimat kedua yang berlangsung di dewan sekolah tersebut disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad.



**PENOLONG** Pegawai Penerangan, Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad semasa menyampaikan taklimat kenegaraan di Sekolah Rendah Junjungan.

## Sekolah Saint John



**PENUNTUT Tahun 7 Sekolah Saint John, Kuala Belait ketika bergambar ramai pada program tersebut.**

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

**KUALA BELAIT**, Sabtu, 4 Mac. – Sementara itu taklimat yang sama turut diadakan oleh Cawangan Jabatan Penerangan Daerah Belait apabila berkunjung ke Sekolah Saint John, di sini.

Seramai 108 penuntut Tahun 7 sekolah berkenaan telah berpeluang mendengarkan Taklimat Menghayati Bendera dan

Lagu Kebangsaan dan seterusnya menyaksikan tayangan video klip ‘Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara’.

Acara bermula dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan disusuli dengan nyanyian lagu kebangsaan ‘Allah Peliharakan Sultan’ dan lagu patriotik ‘Bendera Negara’.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Penerangan, selaku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Awang Mohammad Hisyam bin Idris yang menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dengan terperinci.

Oleh : Saerah Haji Abd Ghani/Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 6 Mac. - Dalam pada itu dua hari kemudian program yang sama turut diadakan di Sekolah Menengah Katok di sini.

Kira-kira 180 pelajar mendengarkan sesi Taklimat Kenegaraan disampaikan oleh Pegawai Penerangan selaku Ketua Unit Kenegaraan, Dayang Hajah Hamsah binti Dato Kerna Haji Jaya.

Program yang dikendalikan oleh Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan tersebut bertujuan untuk mengoptimalkan penghayatan dan pemahaman khususnya di kalangan pelajar terhadap lagu kebangsaan dan bendera negara ke arah menyemai perasaan cintakan bangsa, agama, raja dan negara serta mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri para pelajar berdasarkan falsafah negara Melayu Islam Beraja.

## Sekolah Menengah Katok



**TAKLIMAT Kenegaraan ‘Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam’ disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Dato Kerna Haji Jaya bagi penuntut Tahun 7 Sekolah Menengah Katok.**

## Sekolah Menengah Chung Ching



Berita dan Foto :  
Noraisah Muhammed

---

**SEBAHAGIAN** penuntut Tahun 7 Sekolah Menengah Chung Ching, Seria yang hadir pada Taklimat Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

**KUALA BELAIT.-** Cawangan Penerangan Daerah Belait meneruskan lagi Taklimat Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dengan mengadakan di dua buah sekolah berasingan.

Pada Hari Sabtu, 11 Mac Taklimat Kenegaraan telah diadakan di daerah ini dengan berkunjung ke Sekolah Menengah Chung Ching Seria di sini.

Seramai 50 penuntut Tahun 7 sekolah berkenaan telah berpeluang untuk mendengarkan taklimat dan menyaksikan tayangan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara' dan menyertai Kuiz Kenegaraan.

Sementara pada Hari Khamis, 16 Mac satu lagi Taklimat Kenegaraan telah diadakan di Sekolah Menengah St. Angela, Seria dengan dihadiri oleh 26 Penuntut Tahun 7 sekolah tersebut.

Kedua-dua taklimat disampaikan oleh Pemangku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar yang menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.



**PARA** pegawai dari Jabatan Penerangan bersama guru-guru dan pelajar tahun 7 Sekolah Menengah St. Angela Seria ketika bergambar ramai sejeurus selesainya taklimat kenegaraan tersebut.



## Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien



**PELAJAR**-pelajar Maktab SOAS yang menghadiri Taklimat Kenegaraan "Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam" anjuran Jabatan Penerangan.



**PENOLONG** Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris semasa menyampaikan taklimat mengenai Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim, Nazih Haji Zaini  
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Mac. - Taklimat Kenegaraan Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan terus dilaratkan ke beberapa buah sekolah di negara ini.

Pagi ini melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan telah mengadakan

taklimat tersebut di Dewan Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien (SOAS), di sini.

Taklimat disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris dengan dihadiri oleh seramai 185 penuntut Tahun 7 berserta guru-guru dari sekolah tersebut.

## Ma'had Islam Brunei



**PARA** Pegawai Jabatan Penerangan berserta Timbalan Pengetua, guru-gu dan penuntut tahun 7 Ma'had Islam Brunei bergambar ramai selepas program Taklimat Kenegaraan diadakan.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**T**UTONG, Rabu, 15 Mac. - Manakala itu seramai 85 penuntut Tahun 7 dari Ma'had Islam Brunei menghadiri Program Taklimat Kenegaraan yang diselenggarakan oleh Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong bertempat di Dewan Besar Ma'had Islam Brunei, di sini.

Taklimat "Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam" disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Rosidah binti Haji Ismail.

Hadir sama pada program tersebut ialah Timbalan Pengetua (Pentadbiran) Ma'had Islam Brunei berserta guru-guru ma'had berkenaan.

Selain mendengarkan taklimat para penuntut juga menyaksikan tayangan klip video "Kibarkanlah dengan Megah Bendera Negara dan video animasi "Tatacara Mengibarkan Bendera Negara".

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

---

**MUKIM KILANAS**, Khamis, 16 Mac. - Taklimat Menghayati Bendera Negara dan Lagu kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang diselenggarakan oleh Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan terus mendapat sambutan dari 100 pelajar tahun 7 Sekolah Menengah Sayyidina Hasan.

Taklimat yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad tersebut turut dihadiri oleh guru-guru sekolah berkenaan.

Program tersebut merupakan satu usaha berterusan bagi menyemai semangat patriotisme di kalangan para penuntut untuk menghormati serta menjiwai lagu kebangsaan dan bendera negara.

Taklimat Kenegaraan turut diisi dengan tayangan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara' dan video animasi 'Tatacara Mengibarkan Bendera'.

## Sekolah Menengah Sayyidina Hasan



*SEBAHAGIAN daripada para pegawai, guru dan penuntut Sekolah Menengah Sayyidina Hasan hadir pada taklimat tersebut.*



*PENOLONG Pegawai Penerangan, Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad semasa menyampaikan taklimat pada program tersebut.*

## Sekolah Menengah Sayyidina Hussin

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

---

**JERUDONG**, Khamis, 16 Mac. - Manakala itu taklimat yang sama turut diadakan di Dewan Serbaguna Sekolah Menengah Sayyidina Hussin, Kampung Jerudong di sini.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Ali Termizzi bin Haji Ramli.

Taklimat Kenegaraan Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam turut dihadiri oleh Timbalan-timbalan Pengetua Sekolah Menengah Sayyidina Hussin, guru-guru kanan, guru-guru dan lebih daripada 200 penuntut dari Tahun 7 dan Tahun 8 sekolah berkenaan.

*ANTARA penuntut Tahun 7 dan Tahun 8 sekolah berkenaan yang hadir pada taklimat berkenaan.*



*PEGAWAI Penerangan, Awang Ali Termizzi bin Haji Ramli semasa menyampaikan taklimat pada program tersebut.*



## Program Rakan Remaja Penerangan Pupuk kesedaran sivik dan semangat kenegaraan pelajar

### Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri



**PEMANGKU** Pegawai Tugas-tugas Khas Kanan Korporat, Jabatan Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Mohammad Sharifuddin bin Haji Mohd Salleh menyertai sesi bergambar ramai pada Program Rakan Remaja Penerangan di Dewan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri.

Berita dan Foto : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mac. - Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan mengadakan Program Rakan Remaja Penerangan di sekolah-sekolah bertujuan untuk mendekati para pelajar supaya mereka peka dengan perkembangan semasa serta menanamkan semangat kenegaraan dan tanggungjawab sosial dalam diri mereka.

Sehubungan itu pada bulan Mac ini beberapa siri program telah diadakan termasuk hari ini di Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI), di sini.

Program dimulakan dengan nyanyian beramai-ramai Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan Lagu Patriotik 'Bendera Negara' dan diikuti dengan taklimat 'Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Pengiran Haji Zahari bin Pengiran Adi.

Hadir sama ialah Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan Korporat, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Mohammad Sharifuddin bin Haji Mohd Salleh, Pengetua STPRI, Dayang Hajah Susilawati binti Dato Paduka Haji Mohammad; Pemangku Ketua Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Hajah Rabi'atul Adawiyah binti Haji A.Ahmad; guru-guru serta kakitangan dan penuntut-penuntut STPRI.

Program diserikan dengan lawak jenaka dan kuiz yang disampaikan oleh pelawak-pelawak undangan termasuk drama sketsa oleh penuntut-penuntut sekolah dan klip video yang bertajuk 'Nilai dan Erti Kemerdekaan'.



**PEMANGKU** Pegawai Tugas-tugas Khas Kanan (Korporat), Awang Haji Mohd Sharifuddin bin Haji Mohd Salleh semasa hadir selaku Tetamu Kehormat pada acara Program Rakan Remaja Penerangan.



**TETAMU** Kehormat semasa menyampaikan hadiah kepada penuntut yang berjaya menjawab soalan Kuiz Kenegaraan.

## Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin



*DUA orang artis tempatan semasa mengajukan soalan kepada salah seorang pelajar yang mengikuti kuiz.*



*PEMANGKU Pengarah Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Kementerian Pendidikan, Awang Zainal Abidin bin Haji Kepli hadir selaku Tetamu Kehormat semasa Program Rakan Remaja Penerangan yang diadakan di Maktab SOAS.*

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Rabu 15 Mac. - Untuk menjadikan pelajar sebagai ejen dalam penyebaran maklumat yang positif dan berkesan kepada rakan sebaya, Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) yang diumumkan oleh Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan diteruskan lagi hari ini dengan berkunjung ke Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin (SOASC), di sini.

Program yang disasarkan kepada penuntut sekolah ini turut mendedahkan kesedaran sivik dan semangat kenegaraan terutama kepada golongan remaja di sekolah-sekolah melalui seni hiburan yang terarah dan terpimpin.

Hadir selaku Tetamu Kehormat ialah Pemangku Pengarah Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Kementerian Pendidikan, Awang Zainal Abidin bin Haji Kepli.

Juga hadir ialah Pengetua Maktab SOAS, Awang Zamain bin Abdul; Pemangku Ketua Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Hajah Rabi'atul Adawiyah binti Haji A. Ahmad; Timbalan-Timbalan Pengetua, pegawai, guru serta penuntut-penuntut Maktab SOAS.

Program RRP ini didahului dengan menyanyikan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan Lagu Patriotik 'Bendera Negara' beramai-ramai dan disusuli dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Awang Norfaizan bin Haji Ahim.

Turut disampaikan pada program tersebut ialah taklimat 'Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' oleh Penolong Pegawai Penerangan, Awang Muhammad Nurakram bin Bahrin.



*SEBAHAGIAN penuntut Tahun 9 dan 10 Maktab SOAS yang mengikuti Program Rakan Remaja Penerangan.*



*PEMANGKU Pengarah Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Kementerian Pendidikan, Awang Zainal Abidin bin Haji Kepli (kiri) semasa menyampaikan hadiah kepada pemenang kuiz.*

## Sekolah Menengah Sayyidina Husain



*Sebahagian pelajar lelaki dan perempuan Tahun 9 dan Tahun 10 semasa menghadiri program tersebut.*

Oleh : Nooratini Haji Abas/Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**JERUDONG**, Khamis, 16 Mac. - Seramai 180 pelajar Tahun 9 dan 214 pelajar Tahun 10 Sekolah Menengah Sayyidina Husain (SMSH) hari ini menghadiri Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) yang dikendalikan oleh Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan itu.

Program antara lain bertujuan memberikan kesedaran sivik dan semangat kenegaraan kepada golongan remaja ke arah pembentukan minda dan moral positif selain untuk mendekati golongan belia dan remaja di sekolah-sekolah melalui seni hiburan yang terarah dan ter pimpin.

Hadir selaku Tetamu Kehormat ialah Pemangku Ketua Unit Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor.

Hadir sama ialah Pengetua SMSH, Dayang Zarina binti Haji Kadir, guru-guru dan pegawai dari Jabatan Penerangan.

Program dimulakan dengan menyanyikan Lagu Kebangsaan dan diikuti lagu patriotik 'Bendera Negara' oleh penuntut Tahun 9 dan 10 sekolah berkenaan.

Program antara lain dimuatkan dengan tayangan video 'Kibarkan Bendera Kitani' dan video animasi 'Tatacara Mengibarkan Bendera' disamping Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Noriah binti Abd. Hamid



*PEMANGKU Ketua Unit Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor hadir selaku Tetamu Kehormat pada Program Rakan Remaja Penerangan (RRP).*

### Pedoman:

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ash-Shaff: ayat 2-3, tafsirnya:  
"Wahai orang-orang yang beriman! Mengapa kamu mengatakan apa yang kamu tidak lakukannya?. Sangat besar kebencian dan kemurkaan di sisi Allah bahawa kamu mengatakan apa yang kamu tidak lakukannya.

## Taklimat Perancangan Kewangan Islam Melalui Takaful

Oleh: Unit Penerbitan Melayu



PARA pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan semasa menghadiri Taklimat Perancangan Kewangan tersebut.

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Mac.- Pegawai dan Kakitangan Jabatan Penerangan hari ini berpeluang untuk mendengarkan Taklimat Perancangan Kewangan anjuran Bank Islam Brunei Berhad yang di adakan Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan di sini.

Taklimat yang disampaikan oleh pegawai dari Takaful Brunei Keluarga (TBK) tersebut bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman serta untuk menekankan kepentingan celik kewangan dalam kalangan orang ramai.

### Senarai peserta yang mengikuti Taklimat Mengawal Selia Media (MRO) Majlis Mesyuarat Negara Pada 4 Mac 2017

	Nama	Jawatan
1.	Mohd Nurakram Bin Noraini @ Bahrin	Penolong Pegawai Penerangan
2.	Mohammad Khaiddir Shah Bin Haji Abdul Halim	Pegawai Luar Penerangan
3.	Aliasian Bin Haji Kalong	Pembantu Pegawai Luar Penerangan
4.	Bazlan Bin Haji Besar	Pembantu Pegawai Luar Penerangan
5.	Haji Mahmud Hafidzie Bin Haji Awang Ali Mashod	Pembantu Pegawai Luar Penerangan
6.	Dk Nur Effa Ryina Binti Pengiran Haji Hamdani	Pembantu Pegawai Luar Penerangan
7.	Siti Norasilah @ Anisah Binti Awang Asli	Pembantu Pegawai Luar Penerangan
8.	Muhammad Hidayatullah Bin Zahari	Pembantu Pegawai Luar Penerangan
9.	Nordy Bin Tabong	Pembantu Pegawai Luar Penerangan

### Senarai peserta yang mengikuti Taklimat Perancangan Kewangan Islam Melalui Takaful pada 22 Mac 2017

	Nama	Jawatan
1	Hajah Musmariyani binti Awg Hj Mohammad	Penterjemah
2	Asnah binti Hj Diwa	Operator
3	Hajah Zaianit binti Haji Noorkhan	Penolong Penyunting Tingkat I
4	Nonasilawati binti Haji Dunglah	Kerani
5	Mohammad bin Abdullah	Pegawai Perhubungan Awam
6	Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar	Penolong Pegawai Penerangan
7	Khairul Shaharim bin Ghafor	Pereka Tingkat II
8	Hairun Nadhir bin Ismail	Pembantu Pelukis
9	Mohd Abdul Kafi bin Haji Sulaiman	Penyelenggara Stor Tingat III
10	Timah binti Okb Hj Ali	Pembantu Kerani
11	Julkifli bin Hj Rungging	Penyelenggara Stor Tingat III
12	Aliasian bin Hj Kalong	Pembantu Pegawai Luar Penerangan
13	Muhammad Hidayatullah bin Zahari	Pembantu Pegawai Luar Penerangan
14	Mariana binti Jais	Penyambut Tetamu
15	Hajah Norainah binti Hj Ibrahim	Penyambut Tetamu
16	Norhasnah binti Hj Ahaim	Operator
17	Marinah binti Jumat	Pembersih

18	Norhayani binti Haj Abd Latiff	Kerani
19	Hajah Umi Kalthum binti Haji Ali Hussin	Pembantu Perpustakaan Tingkat II
20	Saipol Bahri bin Haji Mat Zin	Pembantu Pejabat
21	Asrin bin Mohammad Noor	Pembantu Pejabat
22	Ak Shah Herman bin Pengiran Bidin	Pembantu Pejabat
23	Haji Mohd Sahrin bin Hj Dosaman	Pembantu Pejabat
24	Haji Musa bin Md Yassin	Penyelenggara Stor Tingat III
25	Dede Sutini binti Mazziz	Pembantu Pejabat
26	Isa bin Haji Abdul Rahman	Pegawai Luar Penerangan
27	Pg Arsul bin Pg Hj Abd Momin	Pembantu Pegawai Luar Penerangan
28	Ali Termizzi bin Haji Ramlli	Pegawai Penerangan
29	Ak Mohd Noor Zainismandy bin Pg Hj Ismail	Pembantu Pejabat
30	Marliana binti Haji Jamal	Pembersih
31	Masnah binti Hj Md Tamin	Pembersih
32	Hajah Rohayah binti Hj Awg Japar	Pembersih
33	Juliana binti Mindas	Pembersih
34	Mazanah binti Hj Suhaili	Penyelia Pejabat
35	Ruziah binti Hj Zakeria	Kerani
36	Haji Shamsuddin bin Hj Omar	Kerani
37	Haji Mahmud Hafidzie bin Haji Ali Mashod	Pembantu Pegawai Luar Penerangan
38	Haji Rahime bin Hj Anuar	Pegawai Luar Penerangan
39	Nor Ajjah binti Hj Mohammad	Kerani
40	Dk Hjh Siti Mewartee binti Pg Hj Kahar	Penyambut Tetamu
41	Mas'ayu binti Pewira Asgar Hj Abdullah	Pembantu Pejabat
42	Haji Salleh bin Hai Ibrahim	Kerani
43	Pengiran Ikram bin Pg Hj Ahmad	Penolong Pegawai Penerangan
44	Nordy bin Tabong	Pembantu Pegawai Luar Penerangan
45	Haji Abd Azim bin Hj Tujoh	Pembantu Pegawai Luar Penerangan
46	Mohd Arif bin Matali	Pembantu Pegawai Luar Penerangan
47	Mohd Adi Zamhari bin Haji Yahya	Pegawai Luar Penerangan
48	Arzi bin Haj Durhman	Penolong Pegawai Kewangan Tingkat I
49	Ishak bin Haji Othman	Penolong Penyunting Tingkat I
50	Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya	Pegawai Penerangan
51	Siti Nurul Nadirah binti Ismail	Penolong Kerani Sulit
52	Dk Nur Effa Ryina binti Pengiran Haji Hamdani	Pembantu Pegawai Luar Penerangan
53	Siti Norasilah @ Anisah binti Awang Asli	Pembantu Pegawai Luar Penerangan
54	Siti Nurzahirah binti Haji Osman	Pen.Pegawai Perhubungan Awam Tkt.1
55	Zainuddin bin Muhammad Hussin	Kerani
56	Haji Narip bin Haji Bostan	Kerani
56	Mohammad Armie bin Haji Untong	Penyelia Sistem
57	Abu Bakar bin Hj Durahman	Juruteknik Wayang Gelap
58	Haniza binti Abd Latif	Penolong Penyunting Tingkat III
59	Zawiyatun Ni'mah binti Mohamad Akir	Penolong Penyunting Tingkat II
60	Norhafilah binti Rosli	Penyemak
61	Safri bin Haji Talip	Mekanik
62	Siti Faizahanisah binti Awg Mahani	Penyemak
63	Nurul Qaidah binti Ahmad	Juruteknik Foto Tingkat II
64	Arme Suziley Santilah binti Mohd Eriffin	Juruteknik Foto Tingkat II
65	Jurainah binti Hj Jait	Juruteknik Foto Tingkat II
66	Hajah Marhani binti Haji Abd Rahman	Juruteknik Foto Tingkat I
67	Md Nor Amirudin bin Haji Brahim	Pembantu Pegawai Luar Penerangan
68	Dona Azfina binti Ibrahim	Pegawai Luar Penerangan
69	Faridah binti Haji Kaderi	Pembantu Pegawai Luar Penerangan

*Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:*


<http://www.penerangan.gov.bn>

<http://www.information.gov.bn>

<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

<http://www.infofoto.gov.bn>

*Media Sosial Penerangan:*



**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri**



**infodept.bn**



**infodept\_bn**

**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.  
Tel : 2383400 Faks : 2382242**